

**TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. DATO' IR. HJ. ISMAIL B MD SALLEH**

**PERHIMPUNAN BULANAN 1/13**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI MOHD SALLEH BIN SANTHIMAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BERUSAHA TN. HAJI RAHIM BIN GOON

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA IR. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN

PENGARAH KANAN PROJEK

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA HE HADRAT *ALLAH SWT*, KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN KEIZINANNYA, DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL PADA PAGI YANG BERBAHAGIA INI DI MAJLIS BACAAN IKRAR PERKHIDMATAN AWAM DAN IKRAR INTERGRITI BAGI TAHUN 2013.

HADIRIN YANG DIHORMATI

2. BERSEMPENA DENGAN KEDATANGAN TAHUN BARU 2013 INI, MARILAH KITA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT *ALLAH SWT* DI ATAS NIKMAT DAN LIMPAH KURNIANYA SEPANJANG TAHUN 2012 LALU. KITA HARUS MEMPERKUATKAN TEKAD DAN AZAM UNTUK BERUSAHA MEMPERBAIKI DAN MEMPERTINGKATKAN PRESTASI KE TAHAP YANG LEBIH BAIK PADA TAHUN 2013 INI. SESUNGGUHNYA KECEMERLANGAN PRESTASI HANYA DAPAT DITENTUKAN APABILA ADA PERUBAHAN SIKAP DALAM DIRI DAN CARA KITA BERFIKIR KE ARAH MASA DEPAN. JUSTERU PADA KESEMPATAN INI, SAYA MENYERU KEPADA SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM AGAR MENILAI SEMULA TAHAP DISPLIN DAN ETIKA KERJA. KITA JUGA PERLU MEMATUHI SEMUA ARAHAN DAN PEKELILING KERAJAAN SEDIA ADA. ARAHAN DAN PEKELILING KERAJAAN INI ANTARA LAIN BERTINDAK SEBAGAI LANDASAN DAN PERATURAN KEPADA KITA DALAM MELAKSANAKAN SERTA MEMIKUL TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PENJAWAT AWAM.

3. TAHUN INI ADALAH TAHUN YANG KE 33 LLM DITUBUHKAN. JUSTERU KITA PERLU BERUSAHA UNTUK MELAKAR LEBIH BANYAK KEJAYAAN SERTA BERSEDIA MENEMPUH PELBAGAI DUGAAN YANG BAKAL MENDATANG. SELAIN DARIPADA ITU KITA PERLU PEKA DENGAN ARUS PERUBAHAN GLOBALISASI MASA KINI. KITA SEHARUSNYA MENGAMALKAN BUDAYA KERJA BERASASKAN *PERFORMANCE CULTURE* SEWAKTU MENJALANKAN TUGAS HARIAN. PENERAPAN ELEMEN *PERFORMANCE CULTURE* INI BUKAN SAHAJA BERASASKAN OUTPUT TATAPI AKAN MEMBANTU KITA MENITIKBERATKAN *OUTCOME* SERTA MENGHASILKAN KUALITI KERJA YANG *BEYOND*

*EXPECTATION*. DALAM MEMENUHI KEPERLUAN DAN KEHENDAK PENGGUNA, KITA JUGA HARUS SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENJADI *KNOWLEDGABLE WORKERS*, MAHIR, BERINOVASI DAN SISTEMATIK. FAKTOR INI JUGA MERUPAKAN ELEMEN PENTING DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN SESEBUAH ORGANISASI YANG TURUT DITEKANKAN OLEH KERAJAAN. PADA KESEMPATAN INI SAYA MENYERU AGAR SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM DAPAT MENGHASILKAN KERJA YANG LEBIH BERKUALITI DAN EFISIEN. JADILAH PEKERJA YANG LEBIH DINAMIK, TELUS, BERKEYAKINAN, DAN BERWAWASAN.

HADIRIN SEKALIAN

4. SEPANJANG TAHUN 2012 PELBAGAI CABARAN YANG DIHARUNGI OLEH LLM DALAM MEMENUHI KEPERLUAN DAN KEHENDAK PENGGUNA LEBUHRAYA. ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN BUKAN ISU BARU NAMUN LEBIH MERUPAKAN ISU YANG BERULANG. SEBAGAI CONTOH ISU BANTAHAN PROJEK PEMBINAAN LEBUHRAYA YANG DIRANCANG SUNGAI BESI - ULU KELANG (SUKES) DAN LEBUHRAYA DAMANSARA- SHAH ALAM (DASH) YANG MEMBANGKITKAN ISU KESIHATAN PENDUDUK KESAN DARIPADA PEMBINAAN, KESESAKAN KETIKA PEMBINAAN DAN SOSIAL SERTA NILAI ESTETIKA. SELAIN DARIPADA ISU BANTAHAN PENDUDUK, ISU PROJEK LEWAT BERMULA DISEBABKAN LEWAT MENANDATANGANI PERJANJIAN KONSESI JUGA MERUPAKAN ISU YANG BERADA DI AKBAR-AKHBAR TEMPATAN. DALAM HAL INI LEMBAGA TELAH MENGADAKAN SESI PUBLIC *ENGAGEMENT* DAN DIALOG DENGAN PENDUDUK UNTUK MENERANGKAN PELAKSANAAN PROJEK, DAN FAEDAHNYA KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT. BEGITU JUGA DENGAN ISU KESESAKAN LEBUHRAYA DALAM BANDAR DAN KETIKA MUSIM PERAYAAN. DI SAMPING KEHENDAK RAKYAT YANG MAHUKAN KUTIPAN TOL DIHAPUSKAN JUGA MERUPAKAN CABARAN YANG SETIAP TAHUN BERULANG. DALAM ISU INI LLM TELAH BERUSAHA UNTUK MENGWUJUDKAN DISKAUN DAN REBET KEPADA PENGGUNA LEBUHRAYA. SELAIN DARIPADA ITU TIADA KENAIKAN KADAR TOL BAGI LEBUHRAYA DAN JUGA PEMANSUHAN PLAZA TOL BATU 9 LEBUHRAYA GRAND SAGA LAKSANAKAN PADA TAHUN 2012.

5. SELAIN ITU, LLM JUGA MENGHADAPI CABARAN DARI SEGI PEMBINAAN PROJEK DAN KEJURUTERAAN PROJEK SEPANJANG 2012. ANTARANYA IALAH, ISU STRUKTUR JALAN DIPERBAIKI DAN DIKAJI SEMULA BAGI LEBUHRAYA YANG BARU BEROPERASI SEPERTI LEBUHRAYA SKVE DAN LEBUHRAYA EDL. DI SAMPING ITU LLM MASIH PERLU MENYELESAIKAN ISU-ISU PENYENGGARAAN LEBUHRAYA TERTUNGGAK AGAR MEMENUHI JADUAL PELAKSANAAN DAN PIAWAIAN YANG DITETAPKAN. LANGKAH-LANGKAH PENYENGGARAAN SECARA JANGKA PENDEK ATAU JANGKA PANJANG PERLU DILAKSANAKAN SEGERA DEMI MENJAGA KESELAMATAN DAN KESELESAAN PENGGUNA LEBUH RAYA.

6. PELBAGAI TINDAKAN PENYELESAIAN TELAH DIAMBIL SEPANJANG 2012 NAMUN MASIH TERDAPAT TINDAKAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN. SEBAGAI AGENSI YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMANTAU DAN MENGAWALSELIA OPERASI PEMBINAAN SERTA PENYENGGARAAN LEBUH RAYA BERTOL, SAYA PASTI WARGA LLM MAMPU UNTUK MENGHADAPI MENANGANI DAN MENGATASI ISU DAN CABARAN YANG MENDATANG. IANYA MENUNTUT BANYAK PENGORBADANAN DAN KOMITMEN JITU NAMUN PADA MASA SAMA AKAN MEMATANGKAN KITA.

HADIRIN SEKALIAN

7. TAHUN 2012 TURUT MENYAKSIKAN LLM MENCAPAI PELBAGAI KEJAYAAN. ANTARANYA PEMBUKAAN SEBAHAGIAN JAJARAN LEBUHRAYA PANTAI TIMUR (LPT) 2 DARI PERSIMPANGAN AJIL KE PERSIMPANGAN TELEMUNG IAITU SEPANJANG 19.5KM, PEMBUKAAN LEBUHRAYA EDL SEPANJANG 8.1 KM DAN PEMBUKAAN LEBUHRAYA SKVE SEKSYEN 2 (PLAZA TOL TELOK PANGLIMA GARANG) IAITU SEPANJANG 12.9 KM. DARI SEGI ASPEK PENGURUSAN JABATAN PULA LLM TELAH BERJAYA MENGEKALKAN PERSIJILAN MS ISO 9001:2008 (PENGURUSAN KUALITI) DAN MS ISO 14001:2004 (PENGURUSAN ALAM SEKITAR). LLM JUGA TELAH BERJAYA MENGANJURKAN SEMINAR THE SECOND INTERNATIONAL SEMINAR ON THE DESIGN AND CONSTRUCTION OF THE SECOND PENANG BRIDGE PADA 28 NOVEMBER 2012 DAN MEMETRAI

MEMORENDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA PADA 12 APRIL 2012.

8. LLM JUGA TELAH BEKERJASAMA DENGAN SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA, PDRM, MIROS, JPJ DAN AGENSI BERKAITAN SEMASA OP SELAMAT SEWAKTU MUSIM PERAYAAN PADA 2012. HASILNYA, JUMLAH KEMALANGAN TELAH BERJAYA DIKURANGKAN IAITU SEPANJANG 14 HARI KEMPEN OP SELAMAT YANG DILANCARKAN PADA 12 OGOS 2012, JUMLAH KEMALANGAN DICATATKAN BERKURANGAN KEPADA 17,937 KES BERBANDING 19,606 DALAM TEMPOH SAMA TAHUN 2011. FAKTOR PENGURANGAN INI ADALAH DISEBABKAN OLEH PENGGUNA LEBUH RAYA PULANG KE KAMPUNG MENGIKUT JADUAL PERJALANAN YANG DI KELUARKAN. SELAIN DARIPADA ITU, KEMPEN- KEMPEN YANG DIJALANKAN SEDIKIT SEBANYAK TELAH BERJAYA MENDISPLINKAN PEMANDU-PEMANDU DI MALAYSIA.

HADIRIN SEKALIAN,

9. SEHINGGA KE HARI INI LLM DIPERTANGGUNGJAWABKAN UNTUK MEMANTAU DAN MENGAWALSELIA 29 LEBUH RAYA YANG SEDANG BEROPERASI DENGAN JARAK KESELURUHAN 1760KM. PADA TAHUN 2013 KITA DIJANGKA AKAN MENYAKSIKAN KEMUNCULAN 2 BUAH LEBUH RAYA BARU IAITU SEKSYEN 3 (TELUK PANGLIMA GARANG – PULAU INDAH) LEBUHRAYA LEMBAH KLANG SELATAN (SKVE) PADA OGOS DAN JAMBATAN KEDUA PULAU PINANG YANG DIJANGKA AKAN DIBUKA PADA SEPTEMBER. SELAIN DARIPADA PEMBUKAAN LEBUH RAYA BARU TERDAPAT JUGA 2 PROJEK PEMBINAAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT DI LEBUH RAYA IAITU PERSIMPANGAN BERTINGKAT SUNGAI BUAYA (PLUS) DIJANGKA SIAP PADA JULAI DAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT BUKIT GAMBIR DIJANGKA SIAP PADA NOVEMBER ( PLUS). PERTAMBAHAN BILANGAN LEBUH RAYA YANG BEROPERASI SUDAH PASTI SECARA TIDAK LANGSUNG MERUPAKAN SATU IMPAK POSITIF YANG AKAN MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA. OLEH YANG DEMIKIAN KITA PERLU

MEMASTIKAN PELAKSANAANNYA TIDAK TERGENDALA DAN BERLAKU KELEWATAN SUPAYA RAKYAT BOLEH MENIKMATI KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR YANG TELAH DIJANJIKAN OLEH KERAJAAN.

10. JUSTERU ITU, KITA SEMUA SELAKU WARGA LLM PERLU BERSATU HATI, BEKERJASAMA SEBAGAI SATU PASUKAN DAN MENGUBAH CARA KERJA BAGI MEMBERIKAN HASIL DAN KUALITI KERJA YANG EFEKTIF KEPADA PENGGUNA. KITA PERLU MEMASTIKAN SEMUA SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA MEMENUHI OBLIGASI MEREKA DALAM MELAKSANAKAN TUGASAN PENYENGGARAAN LEBUH RAYA, DAN SEBAGAINYA DALAM USAHA MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK DAPAT DIMANFAATKAN OLEH WARGA LLM KERANA KITA JUGA ADALAH SEBAGAI PENGGUNA LEBUH RAYA.

HADIRIN SEKALIAN

11. SEPERTI YANG KITA SEDIA MAKLUM, BELANJAWAN 2013 TELAH DIUMUMKAN DAN KITA PERLU MEMASTIKAN SEGALA YANG DIRENCANAKAN BERJALAN DENGAN SEMPURNA. DIDALAM MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN PERDANA MENTERI, YANG BERHORMAT DATUK SERI NAJIB BIN RAZAK PERDANA MENTERI MALAYSIA, TELAH MEMINTA PENJAWAT AWAM MEMBERI TUMPUAN KEPADA 7 KEUTAMAAN IAITU:

1. MEMASTIKAN PERPADUAN DAN JATI DIRI NASIONAL DIPERKUKUHKAN.
2. MELAKSANAKAN BAJET 2013 DENGAN LANCAR MENGIKUT JADUAL.
3. AGENDA GTP BERI KESAN DAN KEPUASAN KEPADA RAKYAT SELAIN SUNTIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.
4. PENAMBAHAN HASIL KEKAYAAN NEGARA DIAGIH SECARA ADIL DAN SAKSAMA KEPADA RAKYAT.
5. PROGRAM DI BAWAH STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS) DILAKSANA SEPENUHNYA.

6. PERKHIDMATAN CEPAT, TEPAT DAN BERINTEGRITI SELAIN

PEMIKIRAN KREATIF LAGI INOVATIF.

7. KPI MENTERI DAN KEMENTERIAN PERLU DICAPAI SEPENUHNYA.

---

12. TUJUH TUMPUAN INI SELARAS DENGAN HALA TUJU AGENDA TRANSFORMASI NEGARA YANG HARUS MEMBERI KESAN DAN KEPUASAN KEPADA RAKYAT SERTA MENEPATI TEMA BAJET IAITU. MEMAKMUR NEGARA, MENSEJAHTERA RAKYAT: SEBUAH JANJI DITEPATI. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PENJAWAT AWAM PERLU MEMASTIKAN PERPADUAN DAN JATI DIRI NASIONAL TERUS DIPERKUKUH BERPAKSIKAN GAGASAN 1MALAYSIA SUPAYA SETIAP RAKYAT PERCAYA KERAJAAN SEDIA ADA ADIL, SAKSAMA DAN BERSIFAT INKLUSIF. TAHUN INI, BANYAK INISIATIF BARU AKAN KERAJAAN LANCARKAN TERMASUK PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN (PPP) YANG AKAN DIBENTANGKAN SECARA MUKTAMAD DAN INI JUGA AKAN MEMBERI KESAN BESAR KEPADA NEGARA KITA DARI SEGI PEMBANGUNAN MODAL INSAN.

13. AKHIR KATA, ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA UNTUK MELIHAT SEMUA WARGA KERJA LLM MENJADIKAN TAHUN 2013 UNTUK KITA TERUS MENABUR BAKTI DAN MENYUMBANG TENAGA SERTA IDEA BERINOVASI DEMI KELASTRIAN ORGANISASI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA. MARILAH SAMA-SAMA KITA HARUNGI TAHUN 2013 INI DENGAN PENUH KEAZAMAN, KEYAKINAN DAN HARAPAN AGAR PENCAPAIAN TAHUN INI AGAR MELEBIHI EKSPEKTASI. HAYATILAH SETIAP KATA-KATA DALAM BACAAN IKRAR PERKHIDMATAN AWAM DAN IKRAR INTEGRITI LLM SEBAGAI SATU LANDASAN DALAM MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN. SEKIAN TERIMA KASIH.

WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.